

03 JUL 2002

Negara-Putrajaya

WUJUDKAN TANDA INGATAN TERHADAP DR MAHATHIR DI PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Seorang senator hari ini menyarankan agar satu tanda ingatan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir diwujudkan di Putrajaya sebagai mengenang jasa beliau terhadap kewujudan pusat pentadbiran kerajaan pusat itu.

Senator Rosli Mat Hassan berkata Putrajaya lahir atas ilham Dr Mahathir dan pembinaannya pula menghadapi pelbagai cabaran termasuk kelembapan ekonomi serta cemuhan daripada parti pembangkang.

"Segala cabaran itu berjaya dihadapi dengan tabah sehingga lahirnya Putrajaya sepertimana sekarang dan memandangkan Dr Mahathir telah menyatakan hasratnya untuk bersara adalah wajar sekiranya pentadbiran Putrajaya mewujudkan tanda ingatan bagi mengenang jasa beliau," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbadanan Putrajaya (Pindaan) 2002.

Beliau berkata tanda ingatan itu boleh dalam pelbagai bentuk atau cara sama ada nama jalan dan batu tanda.

"Tanda ingatan itu boleh menjadi kenangan agar generasi akan datang mengetahui siapa yang banyak berjasa terhadap kewujudan Putrajaya sehingga ia menjadi bandar yang moden dan terancang," katanya.

Beliau menampelak parti pembangkang terutama Pas yang kini mula kagum dengan Putrajaya walaupun ketika awal pembinaannya dahulu mereka mengeluarkan pelbagai cemuhan terhadap kerajaan termasuk ancaman akan melelongnya jika dapat memerintah negara ketika kempen pilihan raya tahun 1999.

Senator Hassan Sukri pula berkata ingatan terhadap Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah juga patut diabadikan di Putrajaya sebagai Sultan yang memerintah Selangor ketika Putrajaya dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata sungguhpun kawasan tanah Putrajaya asalnya bukan milik kerajaan negeri namun ianya terletak dalam negeri Selangor dan kesediaan kerajaan negeri menyerahkan kawasan Putrajaya kepada kerajaan pusat patut dihargai.

Beliau juga berharap Perbadanan Putrajaya akan mengambil kira aspek kerohanian anak-anak penduduk dengan membina lebih banyak sekolah agama di bandar itu.

Senator Datuk Hamzah Zainuddin pula berkata Perbadanan Putrajaya hendaklah sentiasa memastikan Putrajaya terus kekal sebagai sebuah bandar yang terancang dari segi fizikal dan pengurusan.

Ketika menggulung perbahasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar berkata banyak lagi projek pembangunan akan dilaksanakan di Putrajaya termasuk pembinaan hotel, pasar moden serta sembilan lagi sekolah agama.

Rang Undang-Undang itu yang bertujuan antara lain menggantikan perkataan kawasan Perbadanan Putrajaya dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan menambah wakil negeri Selangor dalam Perbadanan daripada seorang kepada dua anggota kemudiannya diluluskan.

-- BERNAMA

AKT AKT ROS